

20 APR 2002

Mahathir-Sungai/I

PERDANA MENTERI TERTARIK DENGAN PROJEK RAKSASA SUNGAI BUATAN MANUSIA

Oleh: Khairdzir Mohd Yunus

MANAMA, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tertarik dengan Projek Raksasa Sungai Buatan Manusia yang dibangunkan oleh Libya, disebut-sebut sebagai keajaiban dunia kelapan.

Dr Mahathir berkata beliau sekarang faham mengapa Libya perlu membina projek seperti itu dengan pelaburan yang begitu besar.

"Ya, sekarang barusaya faham, dulu saya pun query juga...you ambil air dari underground water very soon the water will be exhausted...jadi at the end of it what happen?" kata beliau pada persidangan media dalam pesawat khas Penerbangan Malaysia dalam penerbangan dari Tripoli, Libya ke Manama, Bahrain, hari ini.

Projek itu yang membabitkan pelaburan AS\$33.69 bilion meliputi tempoh 50 tahun dapat mengatasi masalah air di Libya.

"Tetapi mereka menunjukkan...mereka memberitahu saya bahawa air boleh tahan untuk tempoh minimum 50 tahun tetapi ia tidak dapat bertahan lama seperti minyak.

"Macam di Malaysia juga dia kata minyak kita boleh tahan selama 20 tahun. Tetapi (dari tahun) 1974 hingga 1994 (sepatutnya sudah habis), tetapi kita sudah pun berada di tahun 2000 dan masih mengeluarkan minyak dengan jumlah tong yang sama," kata beliau.

Beliau berkata sebab Libya mempunyai jumlah penduduk yang kecil ialah kerana air sukar didapati.

"Ada banyak air bawah tanah dan itulah sebab mereka menggunakannya." kata beliau.

"Sekarang, mereka mahu mengusahakan tanah mereka, mereka mahu mengusahakan tanaman," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mencontohi projek itu bagi mengatasi masalah air di dalam negara, beliau mengakui bahawa Malaysia boleh belajar daripada pengalaman Libya itu.

Beliau berkata bagaimanapun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mungkin menentang projek seumpama itu atas alasan ingin mengekalkan hutan.

"Ya, NGO mudah sahaja air dia hendak tapi jangan kacau hutan...jika mereka tridak mahukannya, maka kita tidak harus memberikan air kepada mereka," kata beliau.

"You tak hendak ini pasal you nak hutan, kita tidak memusnahkan hutan. Tetapi jika kamu mahukan hutan kekal di sana, maka kamu boleh hidup dalam hutan," kata beliau.

Dr Mahathir: "Sesetengah NGO menggelarkan dirinya NGO tetapi lepas itu menerima arahan dari negara asing."

-- BERNAMA

KHY MAD FAZ